

**Krisis politik Selangor bukan berpunca daripada PAS, kata Hadi Awang**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 7, 2014**  
**OLEH FARHAN DARWIS**

Kemelut menteri besar Selangor bukan berpunca dari PAS, sebaliknya PKR dan PAS terpaksa menolong memikul beban itu, kata Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Buletin Utama TV3 malam tadi.

Hadi berkata dalam laporan kira-kira 15 minit di waktu perdana itu, pentadbiran di Selangor diserahkan kepada PKR, rakan komponen mereka dalam Pakatan Rakyat (PR) dan parti itu menimbulkan masalah dengan krisis menteri besar apabila ingin menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Masalah yang berlaku di Selangor bukan masalah kita. Masalah yang dibuat rakan kita yang kita terpaksa menolong memikulnya," kata Hadi yang dipercayai dipetik dari rakaman ketika sesi soal jawab isu semasa di Terengganu baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, Khalid (MB Selangor) pernah di bawa menghadap ke Majlis Presiden PR yang terdiri daripada tiga wakil setiap komponen parti PAS, PKR, dan DAP.

"Wakil daripada PAS terdiri daripada saya, Datuk Mustafa Ali (Setiausaha Agung PAS), dan Salehuddin Ayub (Naib Presiden).

"Manakala wakil PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Rafizi Ramli. Daripada DAP Lim Kit Siang, Anthony Loke dan Tony Pua," katanya.

Hadi berkata, ketika pertemuan itu, Khalid diasak pelbagai soalan dan beliau mampu memberikan penjelasan sehingga semua pihak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikannya.

"Semua soalan dijawab, beliau lepas jawab. Sehingga tiada hujah bagi pihak yang menyoal. Semua orang bersetuju," katanya.

PAS bagaimanapun kemudiannya terkejut apabila kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang tiba-tiba dikosongkan untuk pilihan raya kecil (PRK).

"Kita dikejutkan supaya dikosongkan satu kerusi di Kajang, kerusi yang kita (PR) menang. Adun diminta letak jawatan. Kita diberitahu, tiada mesyuarat pun.

"Tiada perbincangan, tiba-tiba kita diberitahu dan kita tidak bersetuju," katanya dan menambah, PR kemudiannya ketika itu menjanjikan kepada PAS isu berkaitan menteri besar tidak lagi berbangkit.

Hadi kemudiannya turut membidas beberapa pihak dari luar dan dalam PAS yang seakan tidak menghormati institusi beraja dalam krisis menteri besar di Selangor.

"Kita tidak boleh jadikan raja macam tunggul kayu. Ada kalangan puak kita nak buat raja macam tunggul kayu," katanya.

Hadi dipercayai merujuk kepada tindakan PKR dan DAP tetap mahu menghantar satu nama sahaja kepada istana walaupun istana meminta ketiga-tiga parti menghantar lebih dari dua nama.

PAS melalui Hadi telah menghantar tiga nama berasaskan permintaan dari istana itu manakala PKR dan DAP kekal dengan satu nama iaitu Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. – 7 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/krisis-politik-selangor-bukan-berpunca-daripada-pas-kata-hadi-awang>